

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 22 September 2020 9:32 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Jadi ILC Zon Utara



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 SEPTEMBER 2020 / 4 SAFAR 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Meor Muhammad Afif Aiman Abu Bakar
Gambar oleh: Shahrul Anuar Hanapi

UUM JADI ILC ZON UTARA



UUM ONLINE: Putrajaya – Seramai 63 pelajar orang kelainan upaya (OKU) UUM telah menarik perhatian Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dalam menjadikan universiti ini sebagai Independent Living Centre (ILC) Zon Utara.

Pengarah Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSD), Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Dr. Rajwani Md. Zain berkata, JHEP telah bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Mahasiswa Istimewa (PERMAI) yang dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar OKU dalam mewujudkan ILC bagi memberikan faedah kepada komuniti OKU setempat di zon utara meliputi Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan utara Perak.

Menurutnya, ILC ini juga diberi peruntukan sebanyak RM360,000 setahun dan paling istimewanya UUM merupakan universiti pertama yang memiliki Independent Living Centre (ILC).

“Baru-baru ini, kita bersama Pengerusi dan Pengasas PERMAI, Meor Muhammad Afif Aiman Abu Bakar telah menandatangani Perjanjian Bersama Kerajaan Malaysia dalam usaha merealisasikan ILC ini yang telah menjadi salah satu agenda utama pembangunan OKU dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

“Kementerian meletakkan harapan besar terhadap ILC PERMAI-UUM dalam mempromosikan ILC menerusi semua saluran media massa kepada rakyat Malaysia seperti mana Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang telah diketahui umum fungsi dan sumbangannya,” katanya.

Tambah Dr. Rajwani, ILC ini membuktikan UUM mengambil berat tentang kebajikan dan pembangunan pelajar OKU di UUM khususnya dan komuniti OKU secara umumnya.

Sementara itu, Meor Muhammad Afif Aiman berterima kasih kepada UUM atas usaha yang tidak henti dalam membantu memperjuangkan komuniti OKU sehingga wujud ILC di Bangunan Dewan INASIS PETRONAS UUM.

Majlis tersebut turut dihadiri enam ILC lain iaitu ILTC Rawang, Peduli OKU Selangor, MILAD Selangor, Sindrom Down Johor, Sibu Spinal Cord Injury Sabah dan Chesire Home Sarawak.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.